



TARIKH	27 MAY 2025 (SELASA)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	INNOVATHON SEMARAKKAN BUDAYA INOVASI		
M/S	19 (K! – TEKNO)	KATA KUNCI	INNOVATHON, MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION
BIDANG	MOSTI		

KOSMO SELASA 27 MEI 2025

Inovasi
Oleh FADILA AWALUDIN

Innovathon semarakkan budaya inovasi




PROGRAM Innovathon bukan sekadar rancangan realiti televisyen blas yang menyajikan kandungan hiburan semata-mata. Sebaliknya Innovathon yang kini memasuki musim ketiga tayangan itu merupakan satu inisiatif berunsurkan pendidikan dan hiburan yang memperhatikan daya cipta serta inovasi rakyat tempatan.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang, program tersebut telah membuktikan bakat tempatan bukan sahaja kreatif tetapi turut mempunyai potensi pengkomersialan yang tinggi.

"Hasilnya, sebanyak 26 produk daripada musim pertama berjaya menarik minat pelabur dalam dan luar negara.

"Ini bukti jelas bahawa inovasi tempatan mampu pergi jauh jika diberi platform dan sokongan yang sesuai," katanya dalam majlis perasmian Innovathon musim ketiga di Putrajaya baru-baru ini.

Di samping itu, beliau turut menggalakkan penyertaan peserta dengan kemahiran teknologi Inovasi hadir ke pencarian bakat bagi program Innovathon musim ketiga.

"Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk menyahut cabaran ini, sekali gus menyumbang idea, mengasah kreativiti dan membudayakan inovasi dalam kehidupan demi masa depan negara.

"Inisiatif seperti ini mencerminkan komitmen Kerajaan Madani dalam memperkasakan bakat tempatan dan memacu inovasi rakyat.

"Melalui usaha ini juga kita semakin hampir merealisasikan aspirasi negara sebagai sebuah negara berteknologi tinggi dan berpendapatan tinggi menjelang 2030," ujarnya.

Lih Kang turut memberitahu, terdahulu program tersebut berjaya meraih lebih 26 juta tontonan menerusi tayangan di saluran Astro Ria dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Pencapaian ini membuktikan penonton

sekarang menerima kandungan berunsur pendidikan reka cipta dan inovasi.

"Di zaman moden ini, sudah ramai menerima transformasi sains yang mampu menjadi teknologi baharu untuk diguna pakai dalam kehidupan sehari-hari akan datang.

"Inovasi bukan lagi pilihan, sebaliknya ia satu keperluan dan bagi menjayakan misi ini pihak kerajaan, institusi pendidikan tinggi dan sektor swasta perlu terus berganding bahu membina ekosistem inovasi yang kondusif serta mampam," katanya.

Dalam pada itu, kementerian dan Astro menyasarkan sekitar 2,000 penyertaan produk, teknologi dan inovasi hadir pada sesi uji bakat tersebut yang akan bermula pada 10 Jun hingga 5 Ogos ini. Sesi uji bakat itu berlangsung di enam zon utama iaitu Sarawak, Pulau Pinang, Sabah, Terengganu, Johor dan Kuala Lumpur.

"Para peserta bukan saja berpeluang memperkenalkan inovasi mereka tetapi turut

LIH KANG (tengah) meletakkan tangan ke skrin sebagai gimik perasmian Innovathon musim ketiga.

Inovasi bukan lagi pilihan, sebaliknya ia satu keperluan dan bagi menjayakan misi ini pihak kerajaan, institusi pendidikan tinggi dan sektor swasta perlu terus berganding bahu membina ekosistem inovasi yang kondusif serta mampam."

PAPARAN mengenai kemahiran teknologi inovasi mendapat perhatian penonton masa kini.

LIH KANG mengharapkan kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dan sektor swasta dapat membina ekosistem inovasi yang kondusif serta mampam untuk generasi akan datang.

menerima bimbingan intensif daripada mentor berpengalaman dari aspek teknikal, pengembangan perniagaan, teknik pembentangan dan imej diri.

"Justeru saya menyeru para pelajar, penyelidik dan inovator tempatan untuk hadir ke lokasi tersebut. Ini bukan saja peluang untuk mengkomersialkan produk tempatan tetapi turut menarik minat pelabur luar sekali gus menembusi pasaran antarabangsa," katanya.

Untuk musim ketiga, Innovathon diteruskan dengan kerjasama antara Kementerian Ekonomi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai rakan strategik.



DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S10), BPM
--------------------	--